

Pengurusan Islam Pemankin Ekonomi Ummat

Oleh

Dr. Muhamadul Bakir Hj. Yaakub
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, IRKHS,
International Islamic Universiti Malaysia (UIAM)

Dan

Pn. Khatijah Othman
Jabatan Dakwah dan Pengurusan, FKP,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengurusan Islam Pemankin Ekonomi Ummat

Dr. Muhamadul Bakir Hj. Yaakub (UIAM)

Dan

Pn. Khatijah Othman (USIM)

Abstrak

Pengurusan Islam secara amnya merupakan satu awlawiyat penting dalam pembangunan Umat seperti yang telah ditunjukkan oleh **Piagam Madinah**. Menganalisa keadaan semasa yang berlaku dalam masyarakat Ummat Islam diseluruh dunia, jelas sekali bahawa konsep pengurusan Islam masih lagi kabur dalam pemikiran kebanyakan Ummat. Keadaan ini menjadikan pelaksanaannya masih jauh untuk dicapai, apatah lagi untuk menjadi pemankin kepada masa depan yang lebih cemerlang kepada Ummat ini. Kertas kerja ini akan berusaha untuk memaparkan **Tasawwur Islami** yang berkaitan dengan konsep pengurusan dalam kehidupan sesaorang Muslim. Paparan ini amat penting bagi mengetengahkan persoalan makanisma yang boleh mengembalikan keupayaan Ummah untuk kembali menjadi Ummat contoh kepada manusia sejagat; Ummat yang berjaya dalam kehidupan ini, dan juga berjaya dalam kehidupan di Akhirat nanti. Seterusnya, kertas kerja ini akan berusaha menggariskan beberapa konsep asas kepengurusan Islam yang boleh diaplikasikan oleh Ummat Islam di era globalisasi yang penuh mencabar ini. Garis panduan ini adalah amat penting dalam usaha kita untuk memankinkan ekonomi Ummat dan menjadikan mereka mempunyai daya saying dan jati diri yang kuat dalam mengharungi cabaran-cabaran semasa dan mendatang.

1. Pendahuluan

Apabilah kita berbicara persoalan pengurusan Islam untuk Umat Islam, ianya bukanlah merupakan satu persoalan baru dalam kontek negara kita Malaysia. Sebagai contohnya, Wan Liz Ozman pada tahun 1996 telah membincangkan dengan terperinci berkenaan dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam agenda pembangunan negara. Dasar ini telah pun diperkenalkan oleh pihak kerajaan sejak dari tahun 1985. Dasar ini juga bolehlah dianggap sebagai paksi kepada usaha kerajaan menyuburkan kehidupan beragama di kalangan masyarakat Malaysia, khususnya di kalangan penganut Islam. Di antara program-program yang telah dijalankan adalah seperti kursus pembangunan jati diri, bena insan, kekeluargaan Islam, motivasi keagamaan. Kerajaan juga menerbitkan pelbagai jenis buku paduan mengenainya, terutamanya berkenaan dengan nilai, norma, etika profesional dan perkhidmatan (1982).

Sebagai saorang Muslim, kita melihat bahawa setiap tindak tanduk kita seharusnya sejajar dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Dalam kontek ini, pengurusan perjalan hidup dan aktiviti berekonomi juga adalah semestinya berlandaskan garis panduan yang telah ditunjukkan oleh Islam. Apa yang menjadi persoalan kita disini, ialah apa yang kita faham dari petunjuk dan garis panduan yang telah diberikan oleh Islam dalam berekonomi? Seterusnya, bagaimana pula petunjuk dan garis panduan yang kita fahami itu dilaksanakan dalam realiti kehidupan kita? Kenapa pula pengurusan konvensional menjadi begitu dominon dalam masyarakat Islam? Kenapa pula Islam sebagai satu model

pengurusan yang unggul diketepikan oleh Ummah sendiri? Siapakah yang harus dipersalahkan dalam soal ini? Bagaimanakah pula jalan penyelesaian yang harus diambil?

Dalam konteks Islam, peranan dan kepentingan pengurusan mempunyai pertalian yang amat rapat dengan setiap aktiviti keagamaan Islam itu sendiri, sama ada dari sudut ibadat seperti yang terdapat dalam pergerakan dan peraturan "solat", "puasa", "zakat" dan juga "haji". Secara ringkasnya, konsep dan ciri-ciri pengurusan kehidupan keislaman itu sendiri telah pun terserlah sejak dari bermulanya kerajaan Madinah seperti yang tersurat dalam "Piagam Madinah". Dalam piagam ini, perhubungan antara anggota masyarakat telah diatur dengan sebaiknya, dimana ianya telah memenuhi keperluan, tuntutan dan prinsip-prinsip keagamaan Islam sepenuhnya.

Dalam mana-mana sistem kemasyarakatan pun, pengurusan sememangnya merupakan ciri yang amat dominan bagi menentukan keupayaan anggota sesebuah masyarakat dalam meneruskan tamadun dan socio-ekonomi mereka. Hal ini kerana pengurusanlah yang menjadi penentu bagaimana sesebuah institusi masyarakat itu akan berinteraksi sesama mereka dalam menentukan arus perjalanan kehidupan bersocial mereka.

Kertas kerja ini mengandaikan bahawa bentuk pengurusan dalam sesebuah masyarakat akan mempengaruhi bentuk pertumbuhan dan pembangunan socio-ekonomi masyarakat tersebut. Hakikat inilah yang ingin diketengahkan disini bagi memperlihatkan betapa sesuatu konsep pengurusan menghasilkan natijahnya yang tersendiri. Sungguh pun, untuk mempengaruhi pembangunan sesebuah masyarakat bukanlah sesuatu yang mudah. Ini kerana, sesaorang atau sesuatu kelompok masyarakat itu perlu mempunyai ciri-ciri kepengurusan tersendiri yang menjadikannya berpengaruh dan dicontohi oleh kelompok masyarakat yang lain pula.

Pada dasarnya, penggunaan istilah Pengurusan Islam dalam kertas kerja ini adalah bermaksud satu kajian mengenai persoalan pengurusan ekonomi Ummah secara Islam. Dengan kata lain, bagaimana Islam mengajar Ummah-Nya menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi? Ia juga bermaksud tata cara yang dimiliki oleh sesaorang Islam dalam menjayakan sesuatu aktiviti pembangunan ekonomi. Apakah tata-cara itu tepat mengikut peraturan dan semangat ke-Islaman? Sekalipun persoalan-persoalan yang berbangkit dalam kertas kerja ini agak luas, pelbagai dan teoritis sifatnya. Tetapi, ianya boleh difahami sebagai satu percubaan untuk memaparkan bentuk-bentuk perbezaan yang wujud antara Pengurusan Islam dengan Pengurusan Konvensional. Ini tidaklah pula bermakna bahawa kertas kerja yang ringkas ini mesti memperbincangkan semua hal yang berkaitan dengan persoalan Pengurusan Islam secara menyeluruh dan terperinci.

Objektif utama kertas kerja ini ditulis ialah untuk memperbincangkan konsep Pengurusan Islam melalui pendekatan falsafah ke-Islaman yang bersifat "Fitrah" kewujudan yang membawa kepada penciptaan manusia dimuka bumi ini. Contohnya, Rasulullah (saw) bersabda (terjemahannya):

"Setiap kamu adalah pengurus. Dan setiap pengurus bertanggungjawab tentang kepengurusannya. Imam itu pengurus, bertanggungjawab tentang kepengurusannya. Laki-laki itu pengurus dalam keluarganya, bertanggung jawab tentang kepengurusannya. Wanita itu pengurus dalam rumah tangganya, dan bertanggung jawab tentang kepengurusannya. Saorang buruh itu juga merupakan pengurus bagi harta majikannya, bertanggung jawab tentang kepengurusannya." (Bukhari dan Muslim)

Hadith diatas dengan tegasnya menyatakan bahawa setiap seorang daripada kalangan kita ini adalah merupakan seorang pengurus, dan setiap orang daripada kita pula mahu atau tidak akan dipertanggungjawabkan atas setiap pengurusan yang kita lakukan disepanjang hayat kita. Dalam konteks ini, mesej utama yang ingin disampaikan oleh Rasulullah kepada Ummat-Nya ialah:

- 1- Setiap individu itu adalah merupakan seorang pengurus.
- 2- Keduanya ialah soal pertanggungjawaban amanah yang dipikul oleh setiap kita adalah amat besar lagi serius.

Dari Hadith diatas, jelaslah bahawa setiap individu Ummah tidak dapat melarikan diri daripada memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah (swt) keatas diri kita. Dengan ini juga, kita semua adalah dituntut untuk melaksanakan amanah itu mengikut tata-cara yang telah ditetapkan oleh Allah (swt). Dengan kata lain, semua kita mestilah berusaha untuk menjadi seorang Pengurus Islam yang berjaya. Sementara untuk berjaya pula, semua kita harus tahu dan mengenali apakah itu yang dimaksudkan dengan Pengurusan Islam, serta bagaimana menjadi seorang pengamal Pengurus Islam.¹

2. Pengurusan Islam

Sungguh pun konsep Pengurusan Islam merupakan satu konsep umum yang mudah difahami oleh kebanyakan orang, tetapi pengertiannya yang khusus agak sukar untuk difahami dan juga diaplikasikan. Lebih dari itu, kertas kerja ini berpendapat bahawa istilah Pengurusan Islam ini adalah merupakan satu istilah yang unik lagi comprehensive. Ini kerana istilah ini tidak hanya diguna pakai untuk menggambarkan perihal sesuatu penomena yang bersifat duniawi semata-mata, seperti yang terdapat dalam istilah-istilah yang diguna pakai dalam pengamalan konvensional.

2.1. Definasi Pengurusan Islam

Persoalan apakah itu pengurusan bukanlah satu persoalan yang mudah untuk dihuraikan. Ianya boleh dilihat dan difahami dari pelbagai aspek dan juga jenis aktiviti pengurusannya. Jelasnya, istilah 'pengurusan' merupakan satu istilah yang luas penggunaannya. Lantaran itu, pengertian istilah ini menjadi rumit dan pelbagai. Antaranya, 'pengurusan' didefinisikan sebagai satu bentuk 'pengklasifikasian aktiviti elit sesuatu masyarakat'. Dari satu sudut yang lain pula, ianya boleh diertikan sebagai satu seni untuk mencapai sesuatu matlamat (seperti maklumat, perancangan, perubahan, kejayaan dan lainnya) melalui perantaraan orang lain. Pengurusan juga merangkumi keadaan-keadaan yang tidak adanya perancangan, pengaturan, kepimpinan, penyelarasan, pengawalan dan seumpamanya (lihat Steve 1987).

¹ . Adnan Alias (2002: 21) menyatakan, "Tiada agama selain Islam yang begitu mendorong penguatnnya untuk berniaga sehinggakan berniaga itu dikategorikan oleh Islam sebagai frdhu kifayah. Bukan hanya setakat mendorong, Islam juga telah menggariskan rangka jelas untuk manusia berkeusahawan. Dengan keistimewaan kedudukan perniagaan dalam Islam, tidak hairanlah jika sejarah pengembngn agama ini berkaitan antara keduanya. Tidak juga menghairankan jika dalam sejarah Islam terdapat banyak contoh-contoh usahawan yang baik. Tidak ada pengasas agama lain yang mereka sendiri adalah usahawan, sedangkan dalam Islam Nabi Besar-Nya Muhammad (saw) sendiri adalah merupakan usahawan contoh".

Ada pun "Pengurusan Islam" ianya amat berbeza dengan konsep umum dalam pengurusan. Ini kerana ianya adalah merupakan satu konsep pengurusan yang bersandarkan kepada pengertian bahawa sesaorang manusia itu adalah merupakan khalifah Allah (swt) di bumi-Nya, iaitu sesaorang yang berperanan sebagai pengurus khazanah Allah (swt) di muka bumi ini. Ini bererti semua manusia secara "Fitrah"-nya adalah berpotensi menjadi pengurus Allah (swt). Apabila sesaorang melakukan pengurusan secara Islam ini bererti ianya adalah merupakan pengurus khazanah Allah (swt). Sesungguhnya paksi kepada pengurusan Islam ialah pesanaliti insan yang diberi gelaran 'Khalifah', yang mengurus aktiviti kehidupan dirinya dan juga Ummah dalam ruang lingkupnya yang menyeluruh. Ianya bukan hanya setakat memenuhi tuntutan keperluan peribadi, keluarga, dan bangsa, tetapi meliputi kepentingan dan keperluan Ummah sejagat.

2.2. Ciri-ciri Pengurusan Islam

Pengurusan Islam seperti yang telah dinyatakan diatas, merupakan satu bentuk pengurusan yang bersifat penyempurnaan Amanah Allah (swt). Saorang Pengurus Muslim adalah merupakan sesaorang yang melaksanakan ciri-ciri Pengurusan Islam sepenuhnya. Ini bererti, setiap orang adalah berpotensi untuk menjadi Pengurus Khazanah Allah (swt). Namun hal ini akan kekal berupa satu potensi sahaja sekiranya sesaorang itu tidak melengkapkan dirinya untuk memenuhi tuntutan kelayakan sebagai Pengurus Khazanah Allah (swt). Lantaran itu, bagi membolehkan potensi ini terus berkembang dan membentuk satu anjakan baru dalam sistem pengurusan sesaorang ciri-ciri "Pengurusan Islam" haruslah menjadi asas kepada tatacara pengurusan yang dilakukan oleh sesaorang itu. Apabila ciri-ciri ini telah dilaksanakan oleh sesaorang itu maka secara automatik terpancar dari dalam dirinya personaliti "Pengurus Islam". Dengan kata lain, semua manusia secara potensial (bil-quwwah), diciptakan untuk menjadi pengurus (khalifatullah). Namun agar potensi tersebut menjadi nyata (bil-fi'li), terdapat sejumlah kriteria yang harus dimilikinya, yang antaranya ialah: Berilmu, Berwawasan, Realistik, Terancang, Berhemah lagi Hikmah (lihat 'Model Perlakuan Usahawan Mukmin' dalam Adnan Alias, 2002: 21).

1. Pengurusan Berilmu

Ilmu memainkan peranan yang amat penting dalam melaksanakan sesuatu tugas dan pengurusan. Tanpa ilmu, tugas akan tergendala dan pengurusan akan pincang. Allah (swt) berfirman dalam Al-Quran:

"Adakah sama orang yang berilmu itu berbanding dengan orang yang tidak berilmu?"(QS. Al-Zumur : 9).

"Allah (swt) mengangkat orang-orang yang berilmu itu beberapa darajat kebesaran"(QS. Al-Mujadalah : 11).

Ilmu yang disebutkan disini merangkumi persoalan ilmu duniawi dan juga ukrawi. Ini kerana Islam tidak pernah memisahkan dunia dengan akhirat. Sebaliknya, Islam mengajar kita bahawa dunia ini adalah merupakan jambatan keakhirat. Lantaran ini, perkara utama yang telah ditekankan oleh Islam kepada Ummatnya ialah menuntut Ilmu seperti yang tersurat dalam surah (Al-Qalam). Ini kerana, Islam mahukan semua Ummat nya hidup dalam ilmu dan mengurus secara ilmu. Dengan ini juga, Pengurusan Islam adalah merupakan satu pengurusan yang berilmu, dimana kriteria pertama ini adalah merupakan intisari kepada firman Allah (swt) yang bermaksud:

"Dia mengajarkan kepada Adam asma' (nama benda-benda) semuanya, kemudian dia mempertunjukkannya kepada para malaikat. Lalu Allah berfirman (kepada para malaikat), Sebutkanlah kepada-Ku asma-asma itu, jika kalian memang benar?"(QS. Al-Baqarah : 31).

Para mufasir berbeda pendapat tentang pengertian asma' yang tercantum pada ayat di atas. Walaupun mereka berbeda pendapat tentang makna asma', tetapi yang pasti (al-qadru al-mutayaqqan) dan yang tidak diperselisihkan lagi adalah, bahwa Adam as. Dibekali dengan keupayaan mencari ilmu pengetahuan, dimana keupayaan inilah yang tidak dimiliki oleh para malaikat. Ini berarti, untuk seseorang itu menjadi 'Pengurus Khazanah Allah (swt), ia semestinya merupakan seorang yang berilmu. Manusia yang tidak berilmu, tidak akan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah (swt). Dengan kata lain, seseorang Pengurus Islam adalah seorang yang memiliki ilmu pengetahuan. Dengan ilmu pengetahuan yang dimilikinya, dia tidak akan membuat sesuatu (seperti membuat belian saham) secara rambang atau serkap jarang. Sebaliknya dia merupakan seorang yang tahu apa yang sedang dan seharusnya dilakukan dalam menjana keupayaan ekonomi yang ada ditangannya.

2. Pengurusan Berwawasan

Saorang Pengurus Islam merupakan seorang yang mempunyai ke Imanan yang kukuh dalam dirinya. Ke Imanan ini menjadikan dirinya seorang yang berpandangan jauh dan berwawasan dalam perjalanan hidup dan juga setiap aktiviti ekonomi yang diusahakannya.²

Pengertian ini jelas boleh dihayati daripada firman Allah (swt) yang bermaksud:

"Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan beramal shaleh (kebaikan), bahwa Dia akan menjadikan mereka sebagai Pengurus di bumi, Sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka sebagai Pengurus.

² . Sungguh pun Iman merupakan hak individu (human right), tetapi ianya berkait rapat dengan tanggung jawab social (social commitment). Keimanan epistemik adalah merupakan satu keimanan yang terbena diatas pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia. Daripada hakikat inilah Allah (swt) menganugerahkan Mukjizat kepada setiap Rasul (saw) yang diutuskan kepada sesuatu kaum. Penyaksian sesuatu Mukjizat sewajarnya cukup untuk seseorang itu menginsafi kebenaran sesuatu pengalaman yang dilaluinya serta membandingkan kebatilan sesuatu pengalaman yang juga telah dilaluinya. Perbezaan pengalaman dan persekitaran menyebabkan berbeza pula konsep-konsep keimanan yang dimiliki oleh manusia. Dari sinilah terbentuknya pelbagai agama dikalangan masyarakat manusia. Ada kelompok manusia yang melalui pengalaman fizikal, dan ada pula yang melaluinya dalam bentuk fizikal dan spiritual. Hasil daripada pengalaman-pengalaman itu tadi maka terbentuklah wawasan-wawasan yang realistik dalam kehidupan sebuah masyarakat (yang dikenali juga sebagai tamadun). Sesungguhnya, dengan menganalisa sesuatu mukjizat itu seseorang manusia mampu mengenali kebenaran yang mutlak dan membezakannya daripada kebatilan yang penuh dengan kepura-puraan (Lihat Muhamadul Bakir, 2007).

Sesungguhnya Dia akan meneguhkan bagi mereka agama mereka, yang telah diridhai-Nya untuk mereka, serta Dia benar-benar akan mengubah (keadaan) mereka menjadi aman setelah mereka ketakutan. Mereka akan menyembah-Ku dan tidak menyengutukan apapun dengan-Ku. Dan barang siapa kafir setelah itu, maka mereka adalah orang-orang yang fasik." (QS. An-Nur : 55).

Dalam ayat tersebut, jelas sekali Allah berjanji akan menjadikan hamba-hamba-Nya sebagai khalifah yang akan berjaya dalam usaha dan pengurusannya didunia dan juga di-Akhirat. Sesungguhnya, seseorang yang beriman sahaja yang akan merancang untuk Akhirat, sebagaimana seseorang yang berwawasan sahaja yang akan merancang kejayaan dunia.

3. Pengurusan Realistik (Amali)

Saorang Pengurus Islam juga merupakan saorang yang bersikap realistik (ia itu berkerja secara amli dan bukan hanya bertiori semata-mata). Nilai ini sebenarnya merupakan satu urutan implikasi daripada keimanan yang ada dalam diri seseorang. Dengan kata lain, keimanan yang dimilikinya itu telah menjadikan dirinya saorang yang bersikap realistik dalam setiap tindak tanduk pengurusannya.

Pengertian ini boleh dihayati dengan jelas daripada firman Allah (swt) yang bermaksud:

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu sentiasa dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh,.... ." (QS. Al-'Asr : 1-3).

Saorang pengurus Islam sedar bahawa segala usaha yang dilakukan oleh seseorang akan hanya membawa erti dalam realiti apabila ianya memberi manfaat kepada orang lain. Dengan kesedaran ini, pengurus Islam tidak akan melakukan sesuatu yang tidak realistik.

4. Pengurusan Terancang

Saorang Pengurus Islam juga merupakan saorang yang mengurus secara terancang (ia itu mengurus secara benar, jujur, tepat dan sekala). Segala keputusan yang dibuat adalah berdasarkan ilmu pengetahuan (seperti yang telah dibincangkan dalam ciri 1), serta bersih daripada segala bentuk kepentingan hawa nafsu. Sifat ini menjadikannya saorang konsisten dan tidak mudah hanyut dibawa arus perasaan dan was-was syaitan seperti yang tercatat dalam Al-Quran, surah Al-Nas. Dengan kata lain, pengurusannya adalah merupakan satu bentuk pengurusan yang berintegriti.

Pengertian ini boleh dihayati dengan jelas daripada firman Allah (swt) yang bermaksud:

"Wahai Dawud, Kami jadikan engkau sebagai khalifah di bumi, maka buatlah keputusan dengan benar dan janganlah mengikuti hawa nafsu, karena hawa nafsu akan menyesatkanmu dari jalan Allah." (QS. Shad : 26).

Saorang pengurus Islam akan sentiasa memastikan bahawa keputusan yang diambilnya adalah satu keputusan yang telah melalui satu proses perancangan yang jelas. Dia tidak akan membiarkan hawa nafsunya mempermainkan dirinya dalam membuat sesuatu keputusan. Sebaliknya, dia akan sentiasa

berpegang kepada prinsip-prinsip yang teguh sebelum membuat sesuatu keputusan dan perubahan keatas sesuatu hal yang mendatang.

5. Pengurusan Berhikmah dan Berhikmah

Islam itu sendiri pada dasarnya adalah diturunkan untuk memandu manusia mengurus perjalanan hidup mereka kearah kebaikan. Syariatnya menggariskan tatacara pengurusan setiap perkara yang diperlukan oleh manusia, sama ada dalam hal berkeluarga, bermasyarakat, berniaga dan yang lainnya adalah berlandaskan kepada konsep "berhikmah dan berhikmah". Oleh yang demikian, dalam pengurusan Islam, semua pihak yang terlibat dalam sesuatu aktiviti kehidupan (lebih-lebih lagi dalam persoalan yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi dan kepentingan Ummah) adalah dituntut melaksanakan tanggungjawab pengurusan secara berhikmah lagi berhikmah.

Pengertian ini boleh dihayati dengan jelas daripada firman Allah (swt) yang bermaksud:

"Seru kepada jalan Tuhan mu dengan cara yang Hikmah dan Mau'izah Hasanah. Dan perbincangkanlah sebarang isu yang berbangkit dengan cara yang paling baik." (QS. Al-Nahl : 125).

"berpesan-pesan pada kebenaran dan berpesan-pesan pada kesabaran" (QS. Al-'Asr : 1-3).

Sepertimana mereka juga dituntut melaksanakan tugas nasihat menasihati serta Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar seperti yang tersebut dalam banyak Hadith-hadith Rasulullah (saw) yang menuntut ummatnya melaksanakan tugas Islah sesama Umat Islam. Ini bererti, sesaorang pengurus Islam akan sentiasa memastikan bahawa dia melaksanakan pengurusan secara berhikmah dan berhikmah. Dia sentiasa mencari kebenaran dan berlapang dada menerima segala bentuk nasihat yang benar.

Kesimpulan

Dari perbincangan diatas, secara amnya, kertas kerja ini berpandangan bahawa Ummat Islam perlu membangunkan model pelaksanaan Sistem Pengurusan Islam yang sesuai untuk masa kini. Model itu pula mestilah berpaksikan kepada konsep-konsep utama Islam sebagai Addin, ia itu satu cara hidup yang comprehensive, dimana Islam telah meletakkan manusia dimuka bumi ini dengan satu tugas ia itu mengurus khazanah bumi ini mengikut ketentuan Allah (swt). Dengan ini, Islam melihat fungsi pengurusan bukan sahaja dalam lingkungan setempat, bahkan juga meliputi persoalan seagat, hari ini dan juga hari Akhirat.

Disamping itu pula, kertas kerja ini juga berpendapat pentingnya bagi seorang pengurus Muslim itu mengaplikasikan konsep pengurusan berhimah lagi berhikmah. Dalam beberapa siri perbincangan dengan cendekiawan Muslim, sering kali penulis mendengar ungkapan yang mengatakan orang bukan Islam lebih banyak berhimah lagi berhikmah dalam berurusan jika dibandingkan dengan orang Islam itu sendiri. Untuk melihat kejayaan gerakan memankinkan ekonomi Ummah, prasyarat utamanya ialah kesedaran yang penuh dari kalangan umat Islam bahawa mereka semua adalah merupakan pengurus khazanah Allah (swt) di bumi ini. Konsep ini akan menuntut setiap individu melaksanakan tugas mereka sepenuh daya dan upaya serta mengelakkan mereka daripada terjebak dalam pelbagai bentuk kepincangan dan penyelewingan dalam pengurusan ekonomi mereka. Seterusnya, kertas kerja ini menjelaskan lima (5) kriteria asas untuk menjadi garis pengukur dalam menjalankan tugas sebagai pengurus khazanah Allah (swt).

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Buku-buku Hadith Nabi Muhamad (saw)

Abdul Sami' Al-Misri, *Perniagaan dalam Islam*, (Terjemahan) Ahmad Hj. Hasbullah, 1993.

Adnan Alias & Mohamad Dahlan Ibrahim, *Keusahawan Islam*, Prentice Hall, Kuala Lumpur, 2002.

Firdaus Efendi & Yudhi Komaruddin, *10 Petunjuk Membangun Bisnis Islam*, NM Press, Jakarta, 2004.

Muhamadul Bakir, "Religious Belief System from an Islamic Perspective", dalam *Kulliyah Research Bulletin* vol. 2, March 2007.

Rafik Issa Beekun, *Islamic Business Ethics*, Interntion Institute of Islamic Thought, Virgini, U.S.A. 1997.

Sheikh Ghazali Abd and Zambry Abdul Kadir (eds), *Pengurusan Perniagaan Islam*, Hizbi Shah Alam, Malaysia, 1991.

Steve Jefferys, *Management and Managed*, Cambidge University Press, 1987.

Wan Liz Ozman, *Pengurusan Islam Abad Ke-21*, Utusan Publication, 1996.